



MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD


(Company No. 902884V)

(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

KENYATAAN REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)

Kerajaan Malaysia telah melantik Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp.) (902884-V) sebagai pemaju projek dan pemilik aset Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang ("KVMRT"). Syarikat ini adalah milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan.

MRT Corp. ingin mempelawa bakal Penender untuk mengambil bahagian dalam RFP bagi pakej kerja yang dinyatakan di dalam jadual di bawah.

TAJUK DAN NOMBOR RFP	SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN RFP	HARGA DOKUMEN RFP	TAKLIMAT RFP (MANDATORI)
<p>PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 1: KAJANG LINE</p> <p>REQUEST FOR PROPOSAL FOR THE DESIGN AND BUILD (D&B) CONTRACTOR FOR THE NEW NOISE BARRIER STRUCTURE AND ASSOCIATED WORKS ALONG VIADUCT</p> <p>RFP NO.: RFP/PD/Q69-2023</p>	<p>Memiliki sijil pendaftaran yang sah daripada badan kerajaan berikut:</p> <p>Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)</p> <p>Gred : G6 atau G7 Pengkhususan : CE21</p> <p>DAN</p> <p>Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</p>	<p>Softcopy lengkap Dokumen RFP</p> <p>RM 250.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh) sahaja</p> <p>dalam bentuk</p> <p>Deraf Bank / Banker's Cheque</p> <p>Pembayaran boleh dibuat kepada:-</p> <p>Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884-V)</p>	<p>Tarikh : Jumaat, 8 Disember 2023 Masa : 10.30 pagi Lokasi : Dewan Serbaguna, Tingkat 5, Menara I&P1, No.46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.</p> <p>Untuk menyertai Taklimat RFP ini, semua Penender dikehendaki melengkapkan pra-pendaftaran secara atas talian menerusi salah satu pautan di bawah: 1. Laman Web MRT Corp. www.mymrt.com.my; 2. https://forms.gle/ufGTbosSxDzSWepp7; 3. Mengimbas Kod QR yang disediakan.</p>  <p>Proses pra-pendaftaran akan bermula pada Khamis, 30 November 2023 sehingga Khamis, 7 Disember 2023.</p> <p>Wakil daripada setiap Penender yang hadir semasa Taklimat RFP adalah tidak melebihi dua (2) orang.</p> <p>Wakil-wakil dari pihak penender yang berminat mestilah terdiri daripada kakitangan utama yang berkelayakan dan berpengetahuan di dalam bidang tender dan kontrak untuk kerja yang dinyatakan, serta telah diberi kuasa oleh syarikat. Salah seorang wakil haruslah terdiri daripada berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengarah Urusan; atau 2. Pengarah Eksekutif; atau 3. Ketua Pegawai Eksekutif.

KRITERIA TEKNIKAL (MANDATORI)

1. Penender hendaklah telah menyiapkan sekurang-kurangnya satu (1) Projek Penghadang Bunyi dengan nilai lebih daripada Ringgit Malaysia: Dua Juta (**RM2,000,000.00**) dalam tempoh lima belas (15) tahun yang lalu di Malaysia;
2. Penender atau sub-kontraktor yang dilantik hendaklah memiliki pengkhususan **CIDB E13** dan mempunyai pengalaman dalam sistem Isyarat Keretapi dan Telekomunikasi;
3. Penender atau sub-kontraktor yang dilantik hendaklah memiliki pengkhususan **CIDB E04** dan mempunyai pengalaman dalam pendawaian dan penyelenggaraan Voltan Rendah tidak melebihi 1kV dan kerja Perlindungan Petir; dan
4. Penender hendaklah mengemukakan cadangan reka bentuk awal untuk Penghadang Bunyi termasuk simulasi reka bentuk di dalam mematuhi Had Bunyi Penilaian Impak Alam Sekitar Terperinci bagi Laluan MRT Kajang dan **tidak melebihi Leq 60 dBA (malam), Leq 65 dBA (siang) & Lmax 75 dBA (Pertukaran Keretapi Purata 1 jam) dengan toleransi minimum -3 dBA.**

KRITERIA KEWANGAN (MANDATORI)

1. Dana Pemegang Saham (berdasarkan tahun kewangan terkini) mestilah tidak kurang daripada RM750,000.00;
2. EBITDA terkumpul sepanjang 5 tahun sebelumnya hendaklah positif; dan
3. Baki kemudahan kredit yang tidak digunakan daripada Institusi Kewangan yang sedia ada tidak kurang daripada RM1 juta.

Pembelian dokumen RFP boleh dibuat bermula dari **11 Disember 2023 sehingga 22 Disember 2023** di lokasi dan masa seperti yang tertera di bawah:

TEMPAT JUALAN DAN PENYERAHAN DOKUMEN RFP	WAKTU OPERASI KAUNTER TENDER
<p>MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD</p> <p>Jabatan Perolehan (Kaunter Tender) Tingkat 6, Menara I&P 1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia</p>	<p>Isnin hingga Khamis: 8:30 pagi – 12:30 tengahari dan 2:00 petang – 5:00 petang Jumaat: 8:30 pagi – 12:30 tengahari dan 3:00 petang – 5:30 petang</p>

Pembayaran untuk pembelian Dokumen RFP hendaklah dibuat melalui Deraf Bank atau *Banker's Cheque* dengan jumlah amaun seperti yang dinyatakan di dalam jadual di atas dan dibayar di atas nama **Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd.**, dan tidak akan dikembalikan.

Dokumen RFP yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar di dalam sampul surat bermeteri yang ditandakan dengan jelas Tajuk RFP dan Nombor RFP di bahagian atas tengah sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di **MRT Corp., Jabatan Perolehan (Kaunter Tender) tidak lewat dari jam 12:00 tengahari, Jumaat, 5 Januari 2024.** Sebarang kelewatan dalam menyerahkan dokumen RFP tidak akan diterima.

Nota:

1. Kontraktor Berpengalaman yang mempunyai pendaftaran sah dengan badan yang berkaitan sewaktu RFP berlangsung, seperti yang dinyatakan di dalam kriteria keperluan di dalam jadual di atas adalah dipelawa untuk mengambil bahagian di dalam RFP ini.
2. Penender tidak dibenarkan menubuhkan Usahasama/Konsortium.
3. Penender **WAJIB** menghadiri sesi taklimat RFP pada tarikh, masa dan tempat seperti yang diperincikan di dalam jadual di atas.
4. Dokumen RFP hanya akan dijual kepada Penender yang telah menghadiri sesi taklimat RFP sahaja. MRT Corp. **TIDAK AKAN** melayan sebarang permohonan untuk membeli Dokumen RFP sebelum taklimat dan/atau selepas waktu yang telah dijadualkan di atas.
5. Dokumen RFP ini hanya akan dijual kepada wakil Penender yang sah ("bona fide"). Untuk tujuan tersebut, wakil Penender **WAJIB** mengemukakan **Surat Pengesahan** sebagai wakil untuk pembelian RFP Dokumen.
6. MRT Corp. berhak untuk menerima atau menolak mana-mana tawaran daripada mana-mana Penender tanpa menyatakan apa-apa sebab serta tanpa menanggung sebarang liabiliti dari segala segi terhadap Penender yang terlibat atau menyatakan sebab keputusan tersebut dibuat.
7. Sebarang pertanyaan berhubung dengan RFP ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di e-mel kepada procurement@mymrt.com.my. Maklumat lanjut mengenai MRT Corp., boleh dilayari di laman web kami di www.mymrt.com.my.